

KENYATAAN
BARU

(P)

KENYATAAN OLEH Y.A.B. PERDANA MENTERI
(DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI SIDANG AKHBAR PADA HARI JUMAAT
26HB OKTOBER 1990 PUKUL 5.30 PETANG

Sebentar tadi saya telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah, di Istana Negara mengenai susunan Jemaah Menteri yang baru. Baginda telah memperkenankan susunan Jemaah Menteri yang baru ini.

Dalam menyusun anggota-anggota Jemaah Menteri serta Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen kepentingan-kepentingan parti-parti komponen Barisan Nasional serta kepentingan-kepentingan negeri-negeri telah diambilkira. Sebelum membuat senarai ini, saya telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan ketua-ketua parti-parti komponen Barisan Nasional.

Ada beberapa muka baru dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri. Begitu juga dengan Setiausaha-Setiausaha Parlimen. Mereka ini dilantik kerana saya berpendapat mereka berupaya memberi sumbangan kepada kerajaan.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional yang telah memenangi lebih daripada dua-per-tiga jumlah kerusi yang dipertandingkan akan digunakan dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara. Saya juga ingin mengulangi bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan terus mentadbirkan negara ini dengan cekap dan amanah supaya negara terus menikmati keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kami akan berusaha sedaya-upaya untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program yang mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya. Kerajaan akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk meningkatkan dengan lebih pesat lagi pembangunan negara dan kemajuan rakyat.

Anggota-anggota Jemaah Menteri serta Timbalan-Timbalan Menteri akan mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta mengangkat sumpah menyimpan rahsia di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, pada hari esok, Sabtu, 27hb Oktober 1990 pukul 3.30 petang.

Pejabat Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.